

KEMPEN "UJIAN RINTIS SISTEM TOL ANPR 2025"
Soalan - Soalan Lazim

No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah itu Kempen Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025?	ANPR (Pengecaman Nombor Plat Kenderaan Automatik) ialah satu penyelesaian yang menggunakan kamera dan perisian pengecaman imej untuk mengesan nombor plat kenderaan bagi tujuan pembayaran tol di Lebuhraya PLUS. Kempen "Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025" bertujuan untuk menjemput pengguna lebuhraya yang layak bagi menguji Sistem Tol Pembayaran Terbuka ANPR di Sembilan (9) plaza tol dari laluan Hutan Kampung – Sungai Dua bermula 11 Ogos 2025.
2.	Siapakah yang layak menyertai Kempen "Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025" ini?	Kempen ini hanya dibuka kepada ahli PLUSMiles terpilih dan tidak boleh dipindah milik. Aplikasi Mudah Alih JustGO boleh dimuat turun melalui Play Store atau App Store. Bagi ujian rintis ini, aplikasi tersebut akan berada dalam versi beta dan hanya boleh diakses oleh peserta terpilih sahaja. Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) hanya menyokong Android 10 ke atas serta Apple iOS 18.0.0 ke atas. Ujian Rintis Sistem Tol ANPR ini hanya terbuka untuk kenderaan Kelas 1 (persendirian) sahaja.
3.	Bagaimanakah cara untuk menyertai Kempen "Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025" ini?	<p>a) Anda perlu memuat turun dan log masuk ke Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) menggunakan nombor telefon atau alamat e-mel yang dihantar kepada anda melalui e-mel dan didaftarkan di bawah akaun PLUSMiles.</p> <p>b) Seterusnya, anda mesti melengkapkan pengesahan identiti (eKYC)</p> <p>c) Kemudian menambah kad debit dan/atau kredit anda (eKYP),</p> <p>d) Langkah terakhir adalah mendaftarkan kenderaan anda (eKYV) sebelum memulakan ujian, selaras dengan termasuk syarat kempen.</p>
4.	Plaza tol manakah yang boleh saya gunakan untuk Kempen Ujian Rintis Sistem Tol ANPR 2025?	<p>Anda boleh menggunakan ANPR di plaza tol berikut:</p> <p>a) Plaza Tol Hutan Kampung b) Plaza Tol Alor Setar (Utara) c) Plaza Tol Alor Setar (Selatan) d) Plaza Tol Pendang e) Plaza Tol Gurun f) Plaza Tol Sungai Petani (Utara) g) Plaza Tol Sungai Petani (Selatan) h) Plaza Tol Bertam i) Plaza Tol Sungai Dua</p>
5.	Berapakah bilangan kenderaan yang boleh saya daftarkan dalam satu akaun JustGO?	Anda boleh daftarkan sehingga 10 kereta dalam satu akaun JustGO.

6.	Apakah jenis pembayaran yang terdapat di dalam aplikasi JustGO?	Buat masa ini, hanya pembayaran menggunakan kad debit atau kad kredit. Edompet dan pembayaran penbankan atas talian akan ditambah pada masa hadapan.
7.	Apakah keperluan sistem operasi telefon mudah alih yang diperlukan untuk muat turun aplikasi JustGO?	Untuk sistem Android memerlukan sekurang-kurangnya Andriod 10, manakala untuk sistem IOS, memerlukan sekurang-kurangnya IOS 18.0.0
8.	Jika saya sudah mendaftar di JustGO, adakah saya boleh menyahaktifikannya?	Ya. Anda boleh menggantung atau menamatkan ANPR dalam aplikasi JustGO. Kenderaan anda masih boleh menggunakan Touch 'n Go, SmartTAG atau RFID. ANPR hanyalah pilihan tambahan, bukan pengganti.
9.	Bagaimana cara untuk saya mendapatkan 3,333 Mata Ganjaran PLUSMiles?	<p>Anda mesti berjaya melengkapkan langkah pengesahan berikut dalam Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Muat turun aplikasi dari Play Store atau App Store. 2. Log masuk menggunakan nombor telefon bimbit/email berdaftar anda. 3. Lengkapkan perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan e-mel • Pengesahan identiti (eKYC) • Menambah kaedah pembayaran (eKYP) • Menambah kenderaan (eKYV)
10.	Bagaimana cara untuk saya mendapatkan 5,000 Mata Ganjaran PLUSMiles?	Anda mesti melengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR setiap bulan dari Ogos hingga Oktober 2025.
11.	Bilakah saya akan menerima 3,333 Mata Ganjaran PLUSMiles saya?	Mata ganjaran akan dikreditkan ke akaun PLUSMiles anda selepas – lewatnya pada 19 September 2025 selepas pendaftaran kenderaan (eKYV) berjaya.
12.	Bilakah saya akan menerima 5,000 Mata Ganjaran PLUSMiles saya?	<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) bulan akan dikira sebagai bulan kalendar:- <ul style="list-style-type: none"> Bulan 1: 11 Ogos – 31 Ogos Bulan 2: 1 Sept – 30 Sept Bulan 3: 1 Okt – 31 Okt • 5,000 mata PLUSMiles akan diberikan jika anda melengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR dalam sebulan. • Jika anda melengkapkan sekurang-kurangnya 20 transaksi ANPR untuk setiap bulan kalendar, anda akan diberikan 5000 mata PLUSMiles bagi setiap bulan kalendar tersebut. • Mata ganjaran maksimum ialah 5,000 mata sebulan x 3 bulan = 15,000 mata. <p>Mata PLUSMiles akan dikreditkan ke akaun PLUSMiles anda dalam tempoh 14 hari bekerja selepas melengkapkan 20 transaksi setiap bulan.</p>

13.	Apakah yang boleh saya tebus dengan Mata Ganjaran PLUSMiles?	Untuk menebus Mata Ganjaran PLUSMiles, anda perlu memuat turun Aplikasi PLUS di Apple Store atau Google Play Store dan terdapat pelbagai jenis-jenis produk penebusan PLUSMiles yang sedia ada di aplikasi PLUS.
14.	Adakah Mata Ganjaran PLUSMiles mempunyai tarikh luput?	Mata Ganjaran PLUSMiles anda akan sah selama enam (6) bulan. Sebagai contoh, mata yang diperoleh pada Julai 2024 akan luput tarikh pada 31 Disember 2024.
15.	Apakah perbezaan antara Aplikasi PLUS dan Aplikasi JustGO?	<p>Aplikasi PLUS:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aplikasi utama serba lengkap untuk pelanggan PLUS Malaysia. 2. Ciri-ciri utama termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Info trafik secara masa nyata (real-time) dan maklumat tol. • Maklumat mengenai kemudahan dan fasiliti di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di sepanjang lebuh raya PLUS • Akses kepada ciri-ciri program PLUSMiles, termasuk semakan baki mata ganjaran dan penebusan ganjaran. • Berita, pengumuman rasmi dan pelbagai perkhidmatan lain yang disediakan di aplikasi PLUS. 3. Disediakan untuk kemudahan perjalanan serta akses kepada program PLUSMiles dalam satu platform. <p>Aplikasi JustGO:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aplikasi baharu yang dibangunkan untuk menambah baik pengalaman pengguna PLUS, khusus bagi pembayaran menggunakan teknologi ANPR di jajaran plaza tol Hutan Kampung – Sungai Dua. 2. Ciri-ciri yang ditawarkan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Fungsi dan ciri terkini yang tidak tersedia dalam aplikasi PLUSMiles, seperti eKYC (<i>electronic Know Your Customer</i>), eKYP (<i>electronic Know Your Plate</i>), eKYV (<i>electronic Know Your Vehicle</i>), dan e-Invois. • Memberi peluang kepada pengguna untuk mencuba aplikasi ini dan memberikan maklum balas sebelum pelancaran secara rasmi

		kepada umum.
16.	Siapa yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan atau maklum balas lanjut?	Untuk sebarang maklum balas atau pertanyaan mengenai pengalaman anda menggunakan Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta) atau sistem tol ANPR, sila hubungi kami di contact@justgo.com.my untuk sebarang soalan atau bantuan lanjut. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma & Syarat serta Soalan Lazim yang terdapat dalam Aplikasi Mudah Alih JustGO (versi beta).
17.	Apa jadi jika saya dikenakan caj yang salah di JustGO?	Anda boleh membuat pertanyaan melalui aplikasi JustGO di contact@justgo.com.my .
18.	Apa berlaku jika pembayaran gagal atau baki kad tidak mencukupi?	Jika pembayaran gagal atau baki kad tidak mencukupi, akaun ANPR anda akan digantung sementara dan anda tidak boleh menggunakan ANPR sebagai kaedah pembayaran. Anda akan dimaklumkan melalui aplikasi JustGO untuk menyelesaikan bayaran tertunggak sebelum ANPR boleh diaktifkan semula.
19.	Sejauh mana selamat data peribadi dan biometrik saya di bawah JustGO?	<p>Semua data disulitkan, disimpan di Malaysia dan diuruskan mengikut peraturan PDPA. Data hanya disimpan selama mana diperlukan untuk operasi dan keperluan kawal selia, selepas itu akan dipadam dengan selamat. Ia tidak dikongsi dengan pihak ketiga kecuali di bawah keperluan undang-undang.</p> <p>Data biometrik dan pengenalan hanya digunakan untuk pengesahan semasa pendaftaran, manakala butiran pendaftaran kenderaan diikat secara selamat kepada pemilik akaun sebelum diaktifkan. Proses ini memastikan data peribadi dan transaksi pengguna sentiasa dilindungi.</p>